

25 FEB 1999

PIONEER-GABUNG

GABUNGAN SUNTECH, PIONEER MULA NIAGA APRIL

PETALING JAYA, 25 Feb (Bernama) -- Pioneer Quarry Services (Malaysia) Sdn Bhd (PQSM), syarikat usaha sama antara Sunway Building Technology Bhd (Suntech) dan Pioneer International Holdings Pty Limited (Pioneer), Australia, akan memulakan operasi dengan mengeluarkan produk simen siap bancuh pada April tahun ini, kata pengerusi Suntech Mirzan Mahathir di sini hari ini.

Penggabungan itu adalah sebuah perkongsian sinergi, memberikan Suntech asas yang kukuh dan daya saing dalam pasaran konkrit siap bancuh tempatan, beliau memberitahu persidangan akhbar selepas mesyuarat agung tahunan Suntech.

Beroperasi di bawah PQSM, Suntech akan menikmati ekonomi bidangan yang menurunkan kos-kos operasi dan senggaraan supaya ia boleh mengatasi pesaing-pesaingnya dalam iklim ekonomi sekarang dan berkedudukan baik apabila ekonomi pulih, katanya.

Penggabungan itu akan memberikan Suntech dan Pioneer jalan untuk menggabungkan pengalaman dan kepakaran teknikal mereka yang berbeza dalam perniagaan konkrit siap bancuh, tambah Mirzan.

Beliau juga berkata Suntech akan mengurangkan nisbah gearannya kepada 0.59 kali daripada 0.79 kali dengan menggunakan terimaan bersih daripada Pioneer untuk 50 peratus kepentingan di dalam PQSM.

Suntech bercadang menggunakan RM19.5 juta daripada perolehan bersih sebanyak RM47.25 juta dalam tunai yang dicapai daripada penggabungan itu untuk membayar balik pinjamannya yang berjumlah RM56.364 juta sehingga 24 Dis, 1998.

Pembayaran balik pinjaman itu akan memberikan penjimatan faedah bersih sebanyak RM21.5 juta setahun berasaskan kepada kadar faedah purata sebanyak 11 peratus setahun.

Di bawah perjanjian penggabungan itu, Pioneer dan Suntech akan melanggni saham-saham biasa baru RM1.00 setiap satu dalam PQSM untuk RM42.75 juta setiap satu.

Bilangan saham PQSM baru yang akan dilanggni adalah dalam bilangan bagi membolehkan kedua-dua syarikat mempunyai pegangan saham sama rata 50 peratus.

Pioneer adalah pegeluar konkrit siap bancuh terkemuka dunia, kuari dan pemasaran batu dan pasir, pengeluaran dan penjualan simen, aspal dan bahan-bahan permukaan jalan, blok-blok konkrit dan ubin atap, bata tanah liat, ubin dan papan plaster.

Syarikat berpangkalan di Australia itu memiliki 24 kilang konkrit di Malaysia selain daripada 600 kilang konkrit lain, 120 kuari dan 60 kilang pembuatan di 16 buah negara.

-- BERNAMA

MFZ LPS OS